

13/05/2003

`Keluarga Pas, tetapi saya sokong Umno'

Ayob Mamat

KELMARIN seluruh ahli Umno menyambut ulang tahun ke-57 penubuhan parti keramat itu. Sambutan berkenaan tidak akan bermakna jika hanya satu perhimpunan biasa berlangsung di Stadium Merdeka yang bersejarah.

Ini kerana Umno adalah sebuah parti yang bertanggungjawab mewarnai masa depan Malaysia sehingga menjadi sebuah negara Islam yang dikagumi dan dicontohi.

Kerana Umno, negara mencapai kemerdekaan. Kerana perjuangan Umno, nasib orang Melayu terus terbela sehingga menjadi bangsa terbilang.

Tidak syak lagi, sejak zaman Datuk Onn Jaafar hingga ke era Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Umno masih mampu bertahan sebagai tonggak kekuatan dan keutuhan orang Melayu sehingga berjaya seperti sekarang.

Umno walaupun berjaya menjadi pembela nasib bangsa dan benteng kekuatan negara, namun tidak ramai di kalangan mereka yang bukan ahli Umno meraikan detik bersejarah itu.

Dalam erti kata lain, generasi selepas merdeka tidak begitu prihatin dengan peranan dan sumbangan besar Umno dalam mewarnai masa depan rakyat dan negara.

Saya masih ingat kata-kata Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri dan Presiden Umno ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 10 Mei 1996.

Beliau antara lain menyebut, "... jika hari ini kita sudah mencapai kemajuan sedikit-sebanyak, ia bukan saja kerana dasar kerajaan tetapi yang utama kerana perubahan budaya Melayu dan Bumiputera lain yang dibawa Umno."

Katanya, sebelum adanya Umno, orang Melayu sanggup dihina dan dijajah. Ummolah, kata Dr Mahathir, yang mempengaruhi orang Melayu sehingga berani bangun menentang penjajah yang mereka sudah pertuankan dulu.

Ucapan beliau pada hari itu sarat dengan teguran dan nasihat kepada pelbagai generasi dalam Umno mengenai pentingnya perjuangan Umno bukan saja dipertahankan, malah diteruskan oleh generasi akan datang.

Saya bukanlah ahli Umno tetapi lahir dalam sebuah keluarga besar yang fanatik Pas. Saya hampir terjebak dengan politik sempit Pas apabila keluarga menanam fahaman mengenai parti itu dalam diri ini.

Syukurlah berkat banyak membaca sejarah perjuangan Umno, saya dapat membezakan diri dengan fahaman politik keluarga saya.

Sejak itu, saya tidak pernah melepaskan peluang mengikuti Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur dengan ditanggung duit poket sendiri dan menginap sendirian di sebuah bilik hotel kecil di celah-celah kesesakan ibu kota.

Saya seronok apabila mendengar pemimpin Umno, khususnya Perdana Menteri, berucap dengan penuh nasihat, idea dan panduan kepada ahli Umno.

Pada waktu itu, saya terfikir mengapakah rakan seusia atau segenerasi tidak begitu berminat dengan perjuangan Umno, khususnya di kampung saya di sebuah pekan kecil di Dungun, Terengganu.

Banyak juga masa dihabiskan untuk memikirkan sebabnya sehingga saya menemui satu jawapan muktamad.

Generasi selepas merdeka tidak berminat dan menjauhkan diri daripada Umno disebabkan mereka tidak memahami dan tidak tahu mengenai perjuangan Umno sebagai parti tunjang kekuatan orang Melayu.

Jika mereka faham sebagaimana saya mampu `melarikan' diri daripada pemikiran fanatik keluarga terhadap Pas, saya penuh yakin bila-bila masa

dengan hati terbuka mereka akan bersama Umno.

Oleh itu, Umno wajar mencari formula dan pendekatan tersendiri dalam menanamkan kefahaman mengenai dasar dan perjuangannya kepada generasi muda ini. Tidak mudah untuk memikul tanggungjawab itu dan tidak semua orang boleh meleraikannya.

Oleh itu, kepada generasi muda yang masih jauh daripada Umno, saya meminta mereka agar bersama-sama menyokong perjuangan parti ini.

Jikapun enggan menjadi ahli Umno, memadai jika menyokong perjuangan Umno dan mengundi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Ini bukan kempen tetapi demi masa depan. Kita semua tidak mempunyai pilihan, selain memilih kerajaan yang ditunjangi Umno.

Saya berharap sempena hari ulang tahun Umno ke-57, jangan biarkan mereka yang tidak memahami perjuangan Umno terus terkapai-kapai dengan cara hidup mereka tanpa haluan.

Mereka ini perlu dibimbing dan diberikan ilmu mengenai Umno agar tahu berterima kasih dan bersyukur di atas nikmat perjuangan Umno selama ini.

Saya tidak fikir Pas boleh pergi jauh dalam perjuangan mereka. Ramai generasi muda yang menyokong Pas kerana mereka tertarik dengan slogan Islamnya dan fanatik terhadap pemimpin mereka yang diangkat sendiri sebagai tok guru atau ulama.

Pesanan saya kepada mereka yang seusia dan segenerasi, sempena 57 tahun Umno, kembalilah kepada perjuangan yang tulen tanpa ragu lagi, demi melihat Malaysia terus maju dan makmur di bawah payung parti keramat itu.

Terima kasih Umno, keranamu kami mampu menumpang teduh sejak dulu, kini dan selamanya.